

ISSN 0126-6098

# Malaysia 1977

buku rasmi tahunan







# Malaysia 1977 buku rasmi tahunan

*Dengan kerjasama dan Tolak Jibek*

dari

Ketua Pengarah  
Jabatan Penerangan Malaysia

JILID KE SEBELAS

PUSTAKA PERDANA



1006191



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

12-11-20  
Q # 148968

*Hakcipta Kerajaan Malaysia*



DICETAK DI JABATAN PERCETAKAN NEGARA OLEH  
IBRAHIM BIN JOHARI, J.S.M., S.D.K., P.I.S., P.K., KETUA PENGARAH PERCETAKAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR  
1979

## KATA PENGANTAR

Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1977 adalah edisi kesebelas dalam siri ini, diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Persekutuan, Kementerian Penerangan Malaysia dengan kerjasama lain-lain Kementerian, Jabatan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan.

Buku Rasmi Tahunan terkenal sebagai sebuah karya rujukan yang digunakan dengan luasnya oleh perpustakaan-perpustakaan dan perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri untuk memberi penerangan mengenai Malaysia.

Edisi tahun 1977 ini yang meliputi peristiwa-peristiwa yang berlaku hingga bulan Disember 1977, memberi laporan yang benar tentang pentadbiran dan ekonomi nasional Malaysia. Buku ini juga menerangkan tentang kegiatan-kegiatan beberapa buah institusi Kerajaan dan separa Kerajaan serta peranan yang dimainkan oleh Kerajaan dalam kehidupan masyarakat. Kandungan buku ini dimaksudkan sebagai bahan rujukan yang mudah dengan data-data perangkaan yang disusun baik dalam naskah mahupun dalam lampiran-lampiran. Pembaca yang memerlukan penerangan yang lebih lanjut hendaklah mendapatkannya dari Buletin Perangkaan Tahunan dan lain-lain buletin yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Semua gambar dalam buku ini, kecuali jika dinyatakan lain, merupakan hasil karya para jurugambar Jabatan Penerangan Malaysia.

Kerajaan memegang hakcipta atas buku ini, sedangkan kandungannya boleh dipetik secara bebas, dengan atau tanpa izin.

Jabatan Penerangan Persekutuan ingin mengucapkan ucapan terimakasih kepada semua Kementerian dan Jabatan serta lain-lain badan dan pertubuhan yang telah menyumbangkan naskah dan lain-lain data perangkaan bagi menjayakan penerbitan Buku Rasmi Tahunan ini.

Permohonan untuk menggunakan sebarang gambar hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan, Jabatan Penerangan Persekutuan, Kementerian Penerangan, Angkasapuri, Kuala Lumpur, Malaysia.



*Disunting oleh:*

**Baniyamin Ariff**

*Rekebentuk oleh:*

**Bahagian Pengeluaran Visual,  
Jabatan Penerangan Malaysia**

## KANDUNGAN

BAB	<i>Muka Surat</i>
1. MEMANDANG SURUT .. .. .	1
2. AM DAN SEJARAH .. .. .	5
LATARBELAKANG GEOGRAFIS .. .. .	5
SEJARAH .. .. .	10
PEMBENTUKAN MALAYSIA .. .. .	18
3. PENDUDUK, ADAT RESAM DAN KEBUDA- YAAN .. .. .	25
LATARBELAKANG PENDUDUK .. .. .	25
HAL EHVAL ORANG ASLI .. .. .	26
MAJLIS UGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN	30
LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI (LUTH)	38
LEMBAGA PERPADUAN NEGARA .. .. .	39
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN .. .. .	43
MUZIUM .. .. .	52
ARKIB NEGARA MALAYSIA .. .. .	54
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA .. .. .	60
4. KERAJAAN DAN PENTADBIRAN .. .. .	63
YANG DI-PERTUAN AGONG .. .. .	66
PARLIMEN PERSEKUTUAN .. .. .	70
SURUHANJAYA PILIHANRAYA .. .. .	76
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA)	81
JENTERA PENTADBIRAN .. .. .	81
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM .. .. .	86
INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) .. .. .	89
JABATAN PERDANA MENTERI .. .. .	89
Bahagian Kabinet dan Perlembagaan .. .. .	89
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan .. .. .	90
Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan	90
Bahagian Perang Saraf .. .. .	91
Biro Terjemah .. .. .	91
Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan .. .. .	93
Bahagian Perancang Ekonomi .. .. .	96
Bahagian Kemajuan Petroleum .. .. .	97
Jabatan Percetakan .. .. .	97

BAB	<i>Muka Surat</i>
5. KEHAKIMAN .. .. .	99
6. KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG DAN JABATAN PEGUAM NEGARA .. .. .	115
BIRO SIASATAN NEGARA .. .. .	126
7. PERTAHANAN .. .. .	131
8. HAL EHWAL LUAR NEGERI .. .. .	139
9. HAL EHWAL DALAM NEGERI .. .. .	151
POLIS DIRAJA MALAYSIA .. .. .	151
PENJARA .. .. .	166
PENDAFTARAN NEGARA .. .. .	169
IMIGERESEN .. .. .	174
PENDAFTARAN PERTUBUHAN .. .. .	182
PENERBITAN .. .. .	183
LEMBAGA PENAPIS FILEM NEGARA .. .. .	184
IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA .. .. .	186
PERTAHANAN AWAM .. .. .	187
10. KERAJAAN TEMPATAN DAN WILAYAH PER- SEKUTUAN .. .. .	189
KERAJAAN TEMPATAN .. .. .	190
BANDARAYA KUALA LUMPUR .. .. .	196
PERANCANG BANDAR DAN DESA .. .. .	199
11. KAJIAN EKONOMI .. .. .	205
EKONOMI MALAYSIA TAHUN 1977 .. .. .	205
12. URUSAN BANK DAN MATAWANG .. .. .	211
BANK NEGARA MALAYSIA .. .. .	211
BANK-BANK PERDAGANGAN .. .. .	218
13. KEWANGAN NEGARA .. .. .	225
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN .. .. .	225
HASIL DALAM NEGERI .. .. .	227
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA .. .. .	236

BAB	<i>Muka Surat</i>
14. PERUSAHAAN UTAMA .. .. .	245
GETAH .. .. .	245
Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (L.P.K.G.M.) .. .. .	246
Pusat Penyelidikan Getah Malaysia .. .. .	247
Pertubuhan Penyelidikan Pengeluar Getah Malaysia .. .. .	248
Biro Getah Malaysia di Negara Pengguna Utama .. .. .	248
Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia .. .. .	249
Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia .. .. .	250
RISDA .. .. .	251
KELAPA SAWIT .. .. .	254
MINERAL-MINERAL DAN PERLOMBONGAN .. .. .	255
Timah, Boksait, Bijih Besi, Tembaga dan lain-lain. .. .. .	255
Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah .. .. .	256
KAYU-KAYAN .. .. .	258
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia .. .. .	259
LEMBAGA PERUSAHAAN NENAS TANAH MELAYU (L.P.N.T.M.) .. .. .	260
LADA .. .. .	262
TEBAKAU .. .. .	263
KELAPA .. .. .	263
KOKO .. .. .	265
HAL EHWAL ANTARABANGSA .. .. .	265
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MA- LAYSIA .. .. .	266
JABATAN GALIAN MALAYSIA .. .. .	269
JABATAN PENYIASATAN KAJIBUMI MALAYSIA .. .. .	270
15. TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH .. .. .	275
KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN KEMA- JUAN WILAYAH .. .. .	275
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) .. .. .	276

## BAB

*Muka  
Surat*

LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (FELCRA) .. .. .	281
JABATAN UKUR .. .. .	282
TANAH DAN GALIAN .. .. .	284
PERBADANAN KEMAJUAN JENJKA PAHANG ..	284
LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA (DARA) .. .. .	285
<b>16. PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ..</b>	<b>289</b>
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERIN- DUSTRIAN .. .. .	289
PENDAFTARAN SYARIKAT .. .. .	303
PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN ..	304
PEJABAT PENDAFTARAN CAP DAGANGAN DAN JAMINHAK .. .. .	304
LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PER- SEKUTUAN .. .. .	305
PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA ..	311
PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN MALAYSIA .. .. .	314
<b>17. PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR   BANDAR .. .. .</b>	<b>319</b>
BAHAGIAN PARIT DAN TALIAIR .. .. .	320
PERIKANAN .. .. .	324
PERKHIDMATAN HAIWAN .. .. .	329
KEMAJUAN KOPERASI .. .. .	330
KEMAJUAN MASYARAKAT .. .. .	340
BANK PERTANIAN MALAYSIA .. .. .	344
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) .. .. .	347
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PER- SEKUTUAN (FAMA) .. .. .	348
INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PER- TANIAN MALAYSIA (MARDI) .. .. .	351
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (L.P.P.)	358
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (MAJU- IKAN) .. .. .	366
LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA (MAJUTERNAK) .. .. .	367

BAB		Muka Surat
18.	PENGANGKUTAN .. .. .	371
	PELABUHAN DAN PERKAPALAN .. .. .	371
	JABATAN LAUT .. .. .	381
	PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA (MISC) .. .. .	385
	JABATAN PENERBANGAN AWAM .. .. .	387
	Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) .. .. .	392
	KERETAPI TANAH MELAYU .. .. .	393
	PENGANGKUTAN JALAN .. .. .	395
19.	PERHUBUNGAN .. .. .	399
	TELEKOM .. .. .	399
	PERKHIDMATAN POS .. .. .	410
	PERKHIDMATAN KAJICUACA .. .. .	414
20.	KEMUDAHAN AWAM .. .. .	419
	JALANRAYA DAN JAMBATAN .. .. .	421
	BEKALAN AIR .. .. .	422
	PERKHIDMATAN BOMBA MALAYSIA .. .. .	424
21.	TENAGA, TEKNOLOJI DAN PENYELIDIKAN .. .. .	427
	LEMBAGA LETRIK NEGARA (L.L.N.) .. .. .	427
	JABATAN KIMIA .. .. .	430
	PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI) .. .. .	431
	INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PER- INDUSTRIAN MALAYSIA (SIRIM) .. .. .	432
	PENYELIDIKAN SOSIO-EKONOMI DAN PERAN- CANGAN AM .. .. .	437
	JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA .. .. .	440
22.	BURUH DAN TENAGA RAKYAT .. .. .	443
	JABATAN BURUH SEMENANJUNG MALAYSIA MALAYSIA .. .. .	443
	PERHUBUNGAN PERUSAHAAN .. .. .	450
	JABATAN TENAGA RAKYAT .. .. .	452
	JABATAN KILANG DAN JENTERA .. .. .	457
	KESATUAN SEKERJA .. .. .	459

BAB	<i>Muka Surat</i>
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PER- KESO) .. .. .	460
LEMBAGA LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN PERSIJILAN KETUKANGAN KEBANGSAAN (L.L.P.P.K.K.) .. .. .	462
23. PERKHIDMATAN MASYARAKAT .. ..	467
PERKHIDMATAN KESIHATAN .. .. .	467
PERKHIDMATAN KEBAIKIAN MASYARAKAT ..	472
PERUMAHAN DAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN	481
LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA MALAYSIA (L.P.K.N.) .. .. .	485
BAHAGIAN ALAM SEKITAR .. .. .	488
24. PELAJARAN .. .. .	493
BAHAGIAN SEKOLAH-SEKOLAH .. .. .	493
LATIHAN PERGURUAN .. .. .	499
PELAJARAN TEKNIK DAN VOKASIONAL ..	502
PERKHIDMATAN SEBARAN PENDIDIKAN ..	505
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN PELAJARAN .. .. .	508
JEMAAH NAZIR SEKOLAH .. .. .	510
PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM ..	511
PEMBANGUNAN DAN BEKALAN .. .. .	517
PELAJARAN UGAMA ISLAM .. .. .	517
PELAJARAN DI SABAH .. .. .	518
PELAJARAN DI SARAWAK .. .. .	520
KERJASAMA LUAR NEGERI KEMENTERIAN PELAJARAN .. .. .	523
BIASISWA DAN TAJAAN .. .. .	524
UNIVERSITI MALAYA .. .. .	525
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA .. .. .	532
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	536
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA .. ..	540
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (U.T.M.) ..	542
INSTITUT TEKNOLOGI MARA (I.T.M.) ..	545
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA .. .. .	548

## BAB

Muka  
Surat

25. PERUSAHAAN AWAM .. .. .	551	551
KEMENTERIAN PERUSAHAAN AWAM.. ..	551	
PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)	552	
MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA).. ..	556	
LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (L.P.N.)	560	
SYARIKAT PERMODALAN KEMAJUAN PER- USAHAAN MALAYSIA (MIDF).. .. .	564	
BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD (B.P.M.B.) .. .. .	565	
PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)	567	
PETROLEUM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)	569	
KUMPULAN FIMA BERHAD .. .. .	571	
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI (PKEN) .. .. .	573	
SYARIKAT KEJURUTERAAN DAN LIMBONGAN KAPAL SDN. BHD. (MSE) .. .. .	576	
26. SEBARAN AM .. .. .	577	577
KEMENTERIAN PENERANGAN .. .. .	577	
PENYIARAN .. .. .	579	
INSTITUT PENYIARAN TUN ABDUL RAZAK (IPTAR) .. .. .	583	
PERKHIDMATAN PENERANGAN MALAYSIA ..	583	
AKHBAR DAN PERHUBUNGAN .. .. .	588	
FILEM NEGARA .. .. .	595	
27. DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN BINTANG-BINTANG KEHORMATAN .. ..	599	599

## LAMPIRAN

I PENERANGAN UMUM .. .. .	616	616
Lagu Kebangsaan .. .. .	616	
Bendera Malaysia .. .. .	618	
Lambang Malaysia .. .. .	618	
Rukunegara .. .. .	619	
Ahli-ahli Dewan Negara .. .. .	619	
Ahli-ahli Dewan Rakyat .. .. .	621	
Jemaah Menteri .. .. .	626	
Para Hakim Malaysia .. .. .	629	

LAMPIRAN	<i>Muka Surat</i>
II PERISTIWA-PERISTIWA PENTING SEPANJANG TAHUN ..	631
III PERWAKILAN MALAYSIA DI SEBERANG LAUT .. ..	647
IV PERWAKILAN ASING .. .. .	653
V PERANGKAAN .. .. .	661
VI BAHAN-BAHAN BACAAN .. .. .	719

Suatu mesyuarat besar yang diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Sogos 1977 ialah antara Ketua-ketua Kerajaan ASEAN. Mesyuarat tersebut diadakan bertepatan dengan Perayaan Kesepuluh pertubuhan tersebut.

Ini merupakan peristiwa dalam mana Ketua-ketua Kerajaan ASEAN membuat tinjauan atas perkembangan dan kemajuannya selama ini, khususnya untuk meneliti kemajuan-kemajuan dalam pelaksanaan Program Bertindak yang telah dibuat dalam mesyuarat di Bali pada bulan Januari 1976.

Mesyuarat tersebut telah menekankan betapa perlunya negara-negara ASEAN mengembangkan perhubungan yang aman dan saling menguntungkan dengan semua negara di rantau ini, termasuk Kampuchea, Laos dan Vietnam. Ketua-ketua negara ASEAN bersetuju atas segala usaha yang dibuat oleh anggota ASEAN untuk mendapatkan pengakuan bagi Asia Tenggara sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali lagi dihormati, mestilah diteruskan sehingga menjadi kenyataan.

Persidangan kemuncak ASEAN telah disusuli dengan mesyuarat-mesyuarat antara Ketua-ketua Kerajaan ASEAN dan para Perdana Menteri Australia, Jepun dan New Zealand yang membincangkan rangka-dasar hubungan antara ASEAN dan ketiga-tiga negara tersebut.

Penyertaan Malaysia dalam sesi ke-32 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu mencapai kemuncaknya dengan lawatan YAB Perdana Menteri Datuk Hussein Onn ke badan dunia itu dari 29hb September hingga 5hb Oktober, 1977. Inilah lawatan beliau yang pertama ke sana di mana beliau telah berucap di Perhimpunan Agung badan itu. Ucapan beliau menyentuh perkara-perkara penting mengenai Kerjasama ASEAN, Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali bagi rantau Asia Tenggara dan memberi tumpuan khas terhadap isu-isu ekonomi seperti Program Barangan Yang Disatukan, Tabung Bersama dan penubuhan Order Baru Ekonomi Antarabangsa.

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn melakukan lawatan rasmi ke Mesir (5hb-9hb Januari), Libya (16hb-19hb Januari), Turki (11hb-14hb Februari), Iraq (14hb-17hb Februari), Jepun (18hb-23hb September) dan Amerika Syarikat (23hb September-5hb Oktober).

Pada tahun 1977 Malaysia telah mengadakan beberapa dialog dan mesyuarat-mesyuarat dengan Komanwel, yang mana, terpenting adalah Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dalam bulan Jun di London. Perwakilan Malaysia dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn.

Dalam tahun 1977, kegiatan ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar yang baik selepas setahun mengalami pemulihan yang cepat, walaupun perkembangan ekonomi dunia semakin perlahan dan perdagangan dunia semakin lembab.

Urusan-urusan belanjawan, yang telah menjadi sumber utama pendorong ekonomi, telah diperkukuhkan lagi oleh bertambah besarnya perbelanjaan pengguna. Bagi keseluruhan tahun ini, keluaran negara kasar pada harga malar tahun 1970 bertambah sebanyak 7 peratus, berbanding dengan 11 peratus dalam tahun 1976.

Perkembangan keluaran di dalam sektor pertanian bertambah perlahan dengan nyata kepada 2 peratus dalam tahun 1977, berbanding dengan perkembangan yang pesat sebanyak 14.3 peratus dalam tahun 1976, terutamanya disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk yang telah menjejaskan pengeluaran getah dan padi.

Permintaan luar negeri yang lemah telah menimbulkan pengaruh perlembagaan ke atas keluaran kayu balak dan kayu yang digergaji, dan juga barang-barang perkilangan. Sektor perkilangan, yang terus mengekalkan kedudukannya sebagai sektor pendorong perkembangan dalam ekonomi telah mencatatkan kadar kenaikan yang lebih perlahan dalam tahun 1977, yang telah bertambah sebanyak 12 peratus berbanding dengan hampir 19 peratus dalam tahun 1976. Walau bagaimanapun, kegiatan dalam sektor bangunan dan pembinaan, bertambah kukuh semasa tahun ini.

Selaras dengan perkembangan ekonomi, jumlah gunatenaga telah meningkat sebanyak 3.4 peratus kepada 4.2 juta orang pada akhir tahun 1977, berbanding dengan pertambahan sebanyak 3.6 peratus dalam tahun 1976. Dengan perkembangan tenaga buruh sebanyak 3.3 peratus semasa tahun ini, kadar pengangguran telah jatuh sedikit sahaja daripada 6.8 peratus dalam tahun 1976 kepada 6.7 peratus dalam tahun 1977.

Perbelanjaan atas keluaran negara kasar mengikut harga pasar semasa telah bertambah sebanyak 15 peratus, berbanding dengan 24 peratus dalam tahun 1976. Berbanding dengan tahun 1976 bila perkembangan berdasarkan kepada eksport, kegiatan ekonomi dalam tahun 1977 telah didorong terutamanya oleh jumlah permintaan dalam negeri yang semakin berkembang.

Perbelanjaan pelaburan awam berkembang sebanyak 24.7 peratus, semasa tahun ini, di mana perkembangannya dalam bentuk benar adalah sebanyak 17.4 peratus dan mencerminkan sebahagian besarnya dasar belanjawan yang menggalakkan serta kepesatan pelaksanaan rancangan pembangunan sektor-sektor awam di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Penggunaan swasta pada harga semasa telah bertambah sebanyak 14 peratus dalam tahun 1977 berbanding dengan 11.4 peratus dalam tahun

1976. Dalam bentuk benar, penambahan dalam penggunaan swasta adalah sebanyak 9.2 peratus, kira-kira sama dengan kadar dalam tahun 1976.

Perbelanjaan pelaburan tetap swasta pada harga semasa juta telah bertambah semasa tahun ini, meningkat sebanyak 16.6 peratus berbanding dengan 8.1 peratus dalam tahun 1976. Dalam bentuk benar, pelaburan tetap swasta telah bertambah sebanyak 11 peratus, berbanding dengan 4 peratus dalam tahun 1976.

Tidak termasuk pelaburan tetap oleh perusahaan minyak, perbelanjaan dalam pelaburan tetap bukan minyak adalah agak sederhana, yang telah bertambah sebanyak 13 peratus pada harga semasa dan 6 peratus dalam bentuk benar semasa tahun ini, dan kadar pelaburan ini kelihatan bertambah kukuh menjelang akhir tahun 1977.

Pendapatan eksport Malaysia masih terus melambung dalam tahun 1977. Eksport kasar telah meningkat sebanyak 12 peratus dan mencapai \$15,050 juta dalam tahun 1977 berikutan dari kenaikan yang besar sebanyak hampir 46 peratus dalam tahun 1976, akibat bertambah baiknya harga-harga barangan eksport Malaysia yang penting.

Nilai semua import meningkat sebanyak 14.4 peratus, merupakan terutamanya kenaikan dalam bentuk jumlah.

Import mesin khususnya telah meningkat 14.1 peratus berbanding dengan kejatuhan sebanyak 9.3 peratus dalam tahun 1976.

Dengan import bertambah pada kadar yang lebih cepat daripada eksport semasa tahun ini, lebihan dagangan adalah lebih kecil, tetapi hanya sederhana bila dibandingkan dengan lebihan yang luar biasa besarnya dalam tahun lalu. Imbangan dagangan telah mencatatkan lebihan sebanyak \$3,613 juta dalam tahun 1977, berbanding dengan \$3,810 juta dalam tahun 1976.



# **Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda**





#### YANG DI-PERTUAN AGONG

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, D.K., D.K.M., D.M.N., S.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.S.K., D.K. (Selangor), D.K. (Trengganu), D.K. (Kedah), D.K. (Brunei), D.K. (Pahang), D.K. (Perlis), D.P. (Sarawak) diputerakan pada 10hb Disember, 1917. Baginda menaiki takhta Kerajaan Negeri Kelantan pada 10hb Julai, 1960. Pada 22hb Julai, 1970 Baginda dipilih oleh Persidangan Majlis Raja-Raja menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan mengangkat sumpah bagi perlantikan ini pada 21hb September, 1970. Pada 19hb Jun, 1975 Baginda telah dipilih oleh Persidangan Majlis Raja-Raja menjadi Yang di-Pertuan Agong Yang Ke Enam dan istiadat mengangkat sumpah bagi perlantikan ini telah berlangsung pada 21hb September, 1975 di Istana Negara.



### RAJA PERMAISURI AGONG

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Zainab binti Tengku Muhammed Petra, D.K., D.M.N., S.P.M.K., Raja Permaisuri Agong telah diputerakan di Bandar Kota Baharu pada 7hb Ogos, 1917. Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Raja Perempuan Kelantan pada 10hb Julai, 1960. Seri Paduka Baginda telah menjadi Raja Permaisuri Agong pada 21hb September, 1975 apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dilantik Yang di-Pertuan Agong di Istiadat mengangkat sumpah di Istana Negara.



### TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG (SULTAN PAHANG)

Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, D.K., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu), S.P.C.M., S.P.M.J., Yang di-Pertuan Negeri Pahang Darul Makmur, diputerakan pada 24hb Oktober, 1930. Baginda menaiki takhta pada 7hb Mei 1974.

**Duli-Duli Yang Maha  
Mulia Raja-Raja  
dan  
Tuan-Tuan Yang Terutama  
Yang di-Pertua Negeri**



PELODANAN  
LEADERSHIP  
COUNCIL  
YATASAN  
REHABILITASI  
PEDANAN